

23 OCT 2000

LION-MEGASTEEL

LION CORP TIDAK BERCADANG JUAL PEGANGAN DLM MEGASTEEL

BANTING, 23 Okt (Bernama) -- Lion Corporation Bhd tidak bercadang untuk menjual sebahagian daripada pegangan majoritinya dalam Megasteel Sdn Bhd selepas selesainya skim penyusunan semula hutang Lion Group, kata pengerusi Lion Group Tan Sri William Cheng, di sini, hari ini.

"Kami tidak mempunyai rancangan untuk menjualnya," katanya ketika ditanya sama ada kumpulan itu menjual mana-mana pegangan dalam pengendali kilang keluli itu kepada pihak asing.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian kilang besi keluli jalur panas Megasteel yang bernilai RM2.5 bilion oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Cheng berkata kumpulan itu menguasai 90 peratus ekuiti dalam Megasteel selepas program penyusunan semula.

Selebihnya akan dimiliki oleh cabang pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd.

(Terdahulu apabila ditanya soalan yang sama, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak membantah sebarang pelaburan asing dalam Megasteel dengan syarat ia mewakili pegangan minoriti.)

Kepada satu soalan Cheng berkata kilang itu, yang mempunyai kapasiti pengeluaran 2.5 juta tonne lingkaran gelung besi setahun dijangka mendapatkan hasil pulangan dalam tempoh tiga bulan.

Julai lalu, kumpulan Lion mencadangkan skim penyusunan semula hutang berjumlah RM5.9 bilion untuk melangsaikan sebahagian daripada jumlah hutang RM10 bilion kepada kira-kira 109 institusi kewangan.

Cheng berkata majoriti bank-bank kumpulan itu menyokong program penyusunan semula itu.

-- BERNAMA

MAD SEL ZK MA